

# UPK, AMBD dianugerahkan BECA 2020

Siaran Akhbar : Autoriti Monetari Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 26 Ogos. - Unit Perisikan Kewangan, Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) diumumkan sebagai pemenang pada pertandingan 'Best Egmont Case Award (BECA)' bagi Tahun 2020.

Anugerah ini merupakan satu penghormatan yang tertinggi bagi ahli Egmont Group of Financial Intelligence Units (FIUs).

Tahun ini menandakan tahun ke-10 pertandingan BECA diadakan. Sebanyak 24 kes daripada 19 Unit Perisikan Kewangan (UPK) di seluruh dunia dipertandingkan dan kes yang dihadapkan oleh UPK, AMBD, dibawa ke peringkat akhir bersama dengan UPK, Guatemala.

Kes yang dihadapkan adalah berkaitan dengan penglibatan UPK, AMBD dalam kes pecah amanah dan pembersihan wang haram yang telah disimpulkan

pada awal tahun ini.

UPK, AMBD menyediakan maklumat perisikan yang memberi nilai tambah kepada siasatan kes tersebut. Penyediaan maklumat ini berserta dengan kerjasama domestik dan antarabangsa juga penggunaan teknik inovatif telah menyumbang kepada kejayaan pendakwaan kes tersebut.

Ketiga - tiga aspek ini merupakan kriteria yang penting dalam penilaian penganugerahan tersebut.

Egmont Group of FIUs ditubuhkan pada tahun 1995, untuk membanteras pembersihan wang haram dan pembiayaan penganugerahan melalui kerjasama antarabangsa, khususnya dalam bidang perkongsian maklumat, latihan dan perkongsian kepakaran.

BECA merupakan satu pertandingan tahunan yang mula

diperkenalkan pada tahun 2011 untuk mengiktiraf pencapaian-pencapaian ahli-ahli pertubuhan tersebut dalam pendakwaan kes-kes berhubung dengan pembersihan wang haram dan pembiayaan penganugerahan.

Pencapaian ini menandakan kali kedua sebuah UPK di Benua Asia Tenggara memenangi anugerah antarabangsa, berikutan kejayaan Anti Money Laundering Council (AMLC), UPK Filipina pada tahun 2015.

Para pemenang BECA pada tiga tahun kebelakangan ini adalah Russia (Rosfinmonitoring) pada tahun 2017; Ukraine (State Financial Monitoring Service) pada tahun 2018; dan Peru (Financial Intelligence Unit) pada tahun 2019.

AMBD ingin merakamkan setinggi - tinggi penghargaan kepada Egmont Group of FIUs dalam mengadakan pertandingan ini, dan seterusnya kepada ahli-ahli Egmont Group yang membuat undian.

## Memahami kehidupan norma baharu



FORUM dipengerusikan oleh Imam Surau Ibu Pejabat Polis Gadong, APO Sarjan 6472 Mohd. Yusri bin Haji Abu Bakar (kiri), manakala dua ahli panel jemputan pada forum itu, Dr. Hambali bin Haji Jaili (tengah) dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA); dan Dayang Norhayati binti Haji Abd. Rahman dari Pusat Da'wah Islamiah.

**GADONG**, Rabu, 26 Ogos. - Kira-kira seramai 120 orang menghadiri Forum Maal Hijrah anjuran Badan Ugama Islam (BUI), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), di Surau Ibu Pejabat Polis Gadong, di sini.

Forum Maal Hijrah, bertajuk 'Islam dan Pandemik COVID-19, Norma Baharu dan Umat Islam' itu diadakan bersempena Sambutan Maal Hijrah Tahun 1442.

Antara pengisian forum ialah dalam memberikan kefahaman

kepada warga pasukan mengenai kehidupan norma baharu sejajar dengan penghijrahan diri dalam mencari kerediaan Allah dan menjalani tugas seharian.

Selain itu, ia dapat memberikan pengajaran dan motivasi bahawa semua ujian yang diberikan Allah adalah sebagai tanda kasih sayang kepada umat-Nya untuk mempertingkatkan lagi iman seseorang.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Paduka Seri Haji

Mohammad Irwan bin Haji Hambali.

Turut hadir, Timbalan Pesuruhjaya Polis, PPDB, Pegawai-pegawai Kanan, pegawai, anggota juga kakitangan awam PPDB.

Dua ahli panel jemputan pada forum itu, Dr. Hambali bin Haji Jaili dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA); dan Dayang Norhayati binti Haji Abd. Rahman dari Pusat Da'wah Islamiah.

Forum dipengerusikan oleh Imam Surau Ibu Pejabat Polis

## COVID-19 : 50,693 ujian dijalankan sejak Januari 2020

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 26 Ogos. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD), setakat jam 12.00 tengah hari, tiada kes baharu jangkitan COVID-19 dilaporkan dan menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19 di NBD kekal 144 orang.

Melalui Siaran Akhbar Kementerian Kesihatan, dua kes masih dicatatkan sebagai kes aktif, manakala jumlah yang sembuh adalah seramai 139 orang.

Seramai 665 orang pula sedang menjalani pengasingan diri mandatori dan seramai 4,624 orang telah menamatkan pengasingan diri mandatori masing-masing sejak bulan Mac 2020 lalu.

Seterusnya, Kementerian Kesihatan turut mencatatkan sebanyak 357 sampel Ujian Virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dalam tempoh 24 jam lalu. Ia membawa jumlah ujian makmal secara keseluruhan yang dijalankan sejak Januari 2020 sebanyak 50,693 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn) atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi [healthinfo.gov.bn](http://healthinfo.gov.bn).

### Ringkasan Kes

Kes Baru Hari Ini	Jumlah Keseluruhan Kes		
	0	144	
	Kes Aktif	Kematian	Sembuh
	2	3	139

### Ringkasan Pengasingan Diri

Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori	Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)
665	4,624

### Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2

Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam	Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)
357 sampel	50,693 ujian



PESURUHJAYA Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (dua, kanan) hadir selaku tetamu kehormat pada Sambutan Maal Hijrah Tahun 1442.

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

Gadong, APO Sarjan 6472 Mohd. Yusri bin Haji Abu Bakar.

Terdahulu, majlis didahului dengan bacaan Doa Selamat, dipimpin oleh Imam surau berkenaan, Lans Koperah 6114 Ahmad Zawawi bin Pengarah Haji Ibrahim.

Juga diadakan, sesi soal jawab dan penyampaian cenderahati kepada ahli-ahli panel forum.

Program ini diharap akan dapat memberikan percambahan ilmu dan pembuka minda kepada semua

warga pasukan dalam menghadapi arus kehidupan yang ada pada ketika ini.

Majlis sedemikian merupakan aktiviti tahunan yang diselenggarakan sepenuhnya oleh BUI PPDB bertujuan untuk membesarkan hari-hari kebesaran Islam.

Di samping itu, ia juga sebagai platform dalam menyampaikan nasihat juga iktibar agar dapat menjamin kebahagiaan kehidupan dunia dan akhirat.